

19/09/1997

Bomba diarah bantu Indonesia

Ahmad Ghazali Musa; Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat untuk memberi bantuan segera untuk memadam kebakaran di Indonesia.

Arahan Perdana Menteri itu disampaikan di Bilik Kawalan Jabatan Alam Sekitar (JAS) kepada Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Bomba, Jaafar Sidek untuk membuat persediaan mengumpulkan peralatan berkenaan untuk dibawa ke Indonesia secepat mungkin.

Dr Mahathir juga mengarahkan satu rayuan dibuat kepada individu dan syarikat yang mempunyai alat pengepam air mudah alih menjual atau menyumbang kepada Jabatan Bomba untuk dibawa ke Indonesia.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata arahan itu dikeluarkan berikutan Indeks Pencemar udara (API) di Sarawak melebihi 400 sejak jam 8 malam ini.

Berikutan itu, Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara (JPBBN) yang dipengerusikan Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat mengisytiharkan sekolah di Sarawak ditutup selepas mendapat persetujuan Perdana Menteri.

Mohamed turut memaklumkan perkara itu kepada Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

JPBBN mengambil keputusan menutup semua sekolah di Sarawak berdasarkan stesen pengukur API di Kuching yang menunjukkan bacaan melebihi 400 kerana ia mewakili keseluruhan bacaan di negeri itu.

Bacaan indeks di Kuching pada jam 8 pagi 181, meningkat kepada 221 pada jam 1 petang, 314 pada jam 5 petang, 328 pada jam 6 petang, 371 pada jam 7 malam dan meningkat kepada 404 pada jam 8 malam. Peningkatan itu berpunca daripada tiupan angin yang menghala ke negeri itu.

"Pasukan bomba bersama peralatan itu akan dihantar ke Indonesia secepat mungkin bagi membantu memadamkan kebakaran di beberapa tempat di negara itu," katanya kepada pemberita selepas melawat Bilik Kawalan JAS, di sini, malam ini.

Law berkata, berikutan perkembangan terkini di Sarawak itu Perdana Menteri menasihatkan orang ramai mengurangkan penggunaan kereta masuk ke bandar Kuching dan polis serta Jabatan Pengangkutan Jalan akan dimaklumkan mengenai perkara itu,

"Orang ramai juga boleh memilih untuk bercuti sebagai langkah bagi meredakan keadaan jerebu yang semakin serius di negeri itu," katanya sambil menambah tindakan keras akan dikenakan kepada mereka yang melakukan pembakaran terbuka.

Katanya, kilang yang mengeluarkan asap juga diminta mengurangkan kegiatan masing-masing.

(END)